

KPDNHEP Ipoh rampas 12,450 keping DVD

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Ipoh merampas sebanyak 12,450 keping DVD yang tidak mempamerkan label tulen cakera optik di dua premis di Gopeng dan Kampar di sini kelmarin.

Ketua Seksyen Penguatkuasa KPDNHEP Perak, Mohd Sakhri Mohd Salleh berkata, rampasan dalam serbuan yang melibatkan sembilan anggota KPDNHEP

Perak itu bernilai RM81,250.

"Hasil pemeriksaan mendapati peniaga disyaki menawarkan untuk membekalkan cakera optik tanpa label cakera optik dan disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 4(4)(a) Peraturan Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010.

"KPDNHEP Perak menyita cakera optik sebanyak 12,450 unit dan kesemua barang sitaan disimpan di stor ekshibit KPDN-

HEP Perak untuk siasatan lanjut," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Pejabat KPDNHEP Perak di sini semalam.

Menurutnya, DVD yang dirampas merupakan DVD filem antarabangsa serta tempatan yang dijual antara RM6 hingga RM7 sekeping di dua premis yang sudah lama beroperasi.

"Kedua-dua majikan telah dipanggil untuk dirakam percakapan," katanya.

